



## INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW, GOVERNMENT AND COMMUNICATION (IJLGC)

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



# DIAGNOSIS PENGERTIAN ETIKA DAN PERADABAN: SUATU SOROTAN

## *DIAGNOSIS OF THE MEANING OF ETHICS AND CIVILIZATION: A REVIEW*

Mohd Sohaimi Esa<sup>1</sup>, Irma Wani Othman<sup>2\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>3\*</sup>, Romzi Ationg<sup>4</sup>, Mohd Azri Ibrahim<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: irma@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mrationg@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mohdazri@ums.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 15.12.2022

Revised date: 15.01.2023

Accepted date: 20.02.2023

Published date: 01.03.2023

#### To cite this document:

Esa, M. S., Othman, I. W., Mokhtar, S., Ationg, R., & Ibrahim, M. A. (2023). Diagnosis Pengertian Etika Dan Peradaban: Suatu Sorotan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 61-75.

DOI: 10.35631/IJLGC.831005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

### Abstrak:

Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) telah diperkenalkan sebagai salah satu Mata Pelajaran Umum (MPU) oleh Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik. Kursus PEP mempunyai kandungan kurikulum yang bersifat komprehensif dengan meliputi sembilan topik, serta ia diikat dengan elemen penghayatan etika dan peradaban. Justeru, objektif utama kertas kerja ini memberi tumpuan kepada topik 1, iaitu 'Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Acuan Malaysia' dengan memfokuskan kepada pengertian dan konsep etika dan peradaban. Pengertian dan konsep tersebut perlu dijelaskan kerana menjadi nadi terpenting dalam memahami keseluruhan kursus ini. Konsep etika dan peradaban perlu dilihat bukan sekadar kepada pengertian sahaja, tetapi perlu dihuraikan dari pelbagai perspektif yang sesuai dengan matlamat ingin dicapai daripada kursus PEP. Oleh kerana penulisan ini bersifat kertas kerja konsep (*concept paper*), maka kaedah penulisan bersifat kualitatif dengan berasaskan kajian perpustakaan. Kajian ini mengutilasikan sumber sekunder seperti hasil penyelidikan dalam jurnal, penulisan sarjana dan sumber sejarah. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa konsep etika dan peradaban bagi kursus PEP perlu dilihat dalam konteks peradaban Alam Melayu dan anak watan. Pengetahuan sejarah negara juga diperlukan untuk memahami konsep

tersebut, serta ia boleh membantu pelajar untuk mendalami kandungan kurikulum kursus PEP dengan lebih baik lagi.

**Kata Kunci:**

Alam Melayu, Anak Watan, Etika, Peradaban, Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP)

**Abstract:**

Appreciation of Ethics and Civilization (PEP) has been introduced as one of the General Subjects (MPU) by the Higher Education Department of Malaysia instead of the Ethnic Relations course. The PEP course has a comprehensive curriculum content that includes nine topics, and it is tied to the elements of ethics and civilization. Thus, the main objective of this paper is focused on topic 1, Appreciation of Ethics and Civilization in the Malaysian Pattern by focusing on the understanding and concept of ethics and civilization. Understandings and concepts need to be clarified as they are the most important part of understanding the entire course. The concepts of ethics and civilization need to be seen not only in terms of understanding, but need to be explained from various perspectives that are in line with the goals to be achieved from the PEP course. Since this writing is a concept paper, the writing method is qualitative based on library research. This study uses secondary sources such as research results in journals, scientific writing and historical sources. The results of the study found that the concept of ethics and civilization for the PEP course needs to be seen in the context of the civilization of the Malay World and the Malay as a native people. Knowledge of the country's history is also necessary to understand the concept, and it can help students to better understand the curriculum content of the PEP course.

**Keywords:**

Malay World, Native, Ethics, Civilization, Appreciation Of Ethics And Civilization (PEP)

## Pengenalan

Pada sesi pengajian 2019/2020, Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) mula diperkenalkan sebagai salah satu kursus teras universiti di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, 2019). Kursus PEP yang diperkenalkan itu sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008 lagi (Siti Aidah, Budi & Mohd Sohaimi, 2019; Rosmah & lain-lain, 2019). Menurut Menteri Pendidikan ketika itu, Dr Maszlee Malik, kursus PEP wajib diambil oleh pelajar prasiswazah, serta sebagai salah satu prasyarat sebelum mereka menamatkan pengajian. Beliau berpendapat bahawa PEP menjadi salah satu hala tuju sistem pendidikan negara dengan kesinambungan kepada pendidikan sivik di peringkat sekolah untuk diteruskan ke pengajian tinggi (*Berita Harian*, 25 September 2019). Pada prinsipnya, pendidikan sivik itu menjadi teras kepada pembinaan modal insan bagi kursus yang bersifat teras universiti.

Sebagai kursus yang dikategorikan masih baharu diperkenalkan, maka sudah tentu mempunyai beberapa implikasi dalam pelaksanaan kursus tersebut antaranya kekurangan buku atau modul yang bersifat komprehensif untuk kursus PEP daripada pihak kementerian. Justeru, terdapat keperluan untuk memberikan informasi agar pelajar yang mengikuti kursus ini dapat mendalami sesetengah topik yang memerlukan penjelasan lanjut (Ateerah, Nur Azuki & Zaleha, 2021; Mohd Sohaimi & lain-lain, 2021). Justeru, objektif perbincangan kertas kerja

ini adalah berkaitan dengan diagnosis pengertian etika dan peradaban sejajar dengan matlamat yang digariskan oleh kursus PEP. Hal ini berkaitan dengan topik 1, yakni ‘Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Acuan Malaysia’. Topik ini menjadi pengenalan atau pengantar kepada kursus PEP sebagai muqaddimah kurikulumnya (Sinopsis Kursus – BPA BPA UMS, 2020). Fokus perbincangan adalah untuk melihat sejauh mana pengertian etika dan peradaban boleh dilihat dari pelbagai perspektif peradaban. Antaranya mengenal pasti pengertian tersebut dari sudut Alam Melayu dan konsep Pelantar Anak Watan. Sebelum membincangkan lanjut, maka terlebih dahulu diulas berkaitan dengan permasalahan kajian agar dapat dilihat signifikannya dengan penulisan ini.

### Permasalahan Kajian

Kursus PEP digubal selari dengan matlamat Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Matlamat MPU diperkenalkan adalah untuk pelajar prasiswazah dilengkapi dengan pengetahuan berkaitan dengan pembinaan negara bangsa, serta mengukuhkan dan meningkatkan pengetahuan mereka tentang Malaysia (Yip & Burhanuddin, 2017). Malah lebih penting lagi dapat mengaplikasikan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa (Saharia, 2015). Pendek kata, domain afektif menjadi keutamaan dalam memperkenalkan mata pelajaran MPU termasuk, kursus PEP. Menurut Krathwohi (2002), domain afektif melibatkan aspek-aspek kerohanian, serta penekanan kepada pertumbuhan dan perkembangan sikap, perasaan, emosi dan nilai. Pelajar menerima input seumpama nilai-nilai tertentu dan perkembangan dari segi emosi dan sikap, termasuk elemen kerohanian yang menjadi sebahagian daripada pembinaan jati diri pelajar. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memastikan kursus PEP yang diperkenalkan mempunyai pelbagai sumber rujukan dan bahan bacaan tambahan dengan antara lain menjadi matlamat utama tujuan penulisan ini. Selanjutnya pelajar dapat memahami pengertian etika dan peradaban dalam erti kata yang lebih komprehensif lagi berinformatif.

PEP merupakan kursus menekankan keperluan penghayatan pelajar ke arah pemantapan kesepaduan nasional dengan memacu ke arah memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme dalam acuan Malaysia. Peradaban dan etika berasaskan acuan Malaysia dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik dengan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, negara sehingga ke peringkat global (Mohd Sohaimi & lain-lain, 2021a). Hal ini bertepatan dengan peranan kursus teras universiti atau kursus pengajian umum dalam pembangunan kemahiran insaniah kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi (Muhamad Rahimi, 2010 dan Mohd Zahedi, 2005). Maklumat lengkap peranan kursus teras universiti atau kursus pengajian umum boleh dirujuk dari buku, *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*, 2006 dan *Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua*, 2016. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memberikan penjelasan lanjut konsep etika dan peradaban agar selari dengan matlamat untuk membina kemahiran insaniah, di samping meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar.

Pada dasarnya, PEP boleh dianggap sebagai kursus *top down* dari Jabatan Pendidikan Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Hal ini sesuai dengan surat arahan daripada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (2019) berhubung pelaksanaan kursus Falsafah dan Isu Semasa serta kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Kedua-dua kursus ini penting kerana sebagai pelengkap bagi memenuhi aspirasi negara sebagaimana yang terkandung dalam *Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact*

*Educational Practices-HIEPs*) dalam *Matapelajaran Pengajian Umum* (2019). Walau bagaimanapun, kursus PEP agak tergesa-gesa pelaksanaan sehingga wujud beberapa kekurangan, termasuklah kandungan kurikulumnya. Natijahnya, pelajar mahupun pensyarah perlu diperkayakan lagi sumber bagi pendedahan yang secukupnya dalam memahami sesetengah isi kandungan kursus PEP, termasuklah apabila membincangkan pengertian etika dan peradaban. Persoalannya, bagaimana kedua-dua konsep ini dapat dikaitkan atau diintegrasikan dengan penghayatan etika dan peradaban dari segi amalan dan praktikalnya. Hal ini yang dibincangkan agar pelajar boleh melihat dari sudut yang lebih luas, iaitu termasuk PEP dalam konteks peradaban Alam Melayu dan Pelantar Anak Watan (PAW).

### Metodologi dan Kajian Literatur

Dalam konteks metodologi, pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan berasaskan analisis dokumentasi berasaskan sumber perpustakaan. Kaedah perbincangan pula dibuat secara deskriptif naratif dan deskriptif analitikal dengan menganalisis teks ataupun dokumen (Sugiyono, 2009). Pendekatan ini biasanya dianggap sebagai rekabentuk yang popular dalam bidang sains sosial apabila sering kali dikaitkan dengan disiplin sejarah, etnografi dan sosiologi (Ationg, Esa, Ibrahim & Abdul Muis, 2020). Seperkara lagi, apabila membincangkan kursus kenegaraan seperti PEP, maka tidak dapat dipisahkan dengan metodologi dalam kajian sejarah dan sosiologi. Dalam kajian sejarah, sumber primer penting untuk membolehkan fakta dijelaskan berdasarkan peristiwa seperti sebenarnya berlaku sebagaimana ditegaskan oleh Bapa Persejarahan Moden, Leopold Von Ranke (Kreiger, 1977). Langkah ini menjadikan disiplin sejarah sebagai suatu bentuk kajian yang bersifat saintifik dan objektif (Carr, 1962; Collingwood, 1993). Sungguhpun dari apek sejarah, peristiwa yang berlaku menjadi keutamaan perbincangan, tetapi ia masih boleh diterjemahkan dalam konteks pembangunan kurikulum dalam bidang pendidikan, termasuklah kursus PEP di peringkat pengajian tinggi. Justeru, sumber yang digunakan bagi tujuan penulisan ini terdiri daripada pelbagai jenis sumber seperti surat dan dokumen rasmi, akhbar, laporan, buku dan artikel dalam jurnal.

Dari segi kajian literatur, terdapat beberapa buah buku atau modul yang telah diterbitkan menjadi rujukan pensyarah dan pelajar. Sebagai contoh, Ateerah, Nur Azuki & Zaleha, *Penghayatan Etika dan Peradaban*, Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (2021), serta Ahmad Zamil & lain-lain, *Penghayatan Etika dan Peradaban*, UUM Press (2021). Sementara dalam bentuk digital pula seperti Modul Digital Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (<https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/ipt/ipt-awam/modul-digital-kursus-penghayatan-etika-dan-peradaban>) terbitan Jabatan Penerbitan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi. Buku berbentuk aktiviti pengkayaan PEP juga telah diterbitkan, iaitu Mohd Sohaimi, Abang Mohd Razif, Saifulazry & Sharifah (2022) dengan tajuk, *Buku Aktiviti: Penghayatan Etika dan Peradaban* (PEdP). Secara relatifnya, konsep etika dan peradaban telah dihuraikan dalam penulisan mereka, tetapi pada masa yang sama terdapat keperluan dibincangkan dengan lebih terperinci lagi dari pelbagai perspektif agar dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka.

Sejak diperkenalkan PEP, kajian berkaitan dengan kursus ini telah mendapat tempat dengan mempunyai pelbagai tema dan melibatkan pelbagai institusi pengajian tinggi sama ada awam mahupun swasta. Antara yang menarik untuk diketengahkan termasuklah kajian yang dilakukan di UMS yang boleh mencerminkan juga di IPT lain di Malaysia. Contohnya, Mohd Sohaimi & lain-lain (2021a) yang membincangkan tentang evolusi kursus teras universiti yang memberikan perhatian kepada beberapa subjek kenegaraan yang diperkenalkan di UMS sejak ditubuhkan sehingga kini, iaitu Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (SPBM), Sejarah


Pembentukan Nasion Malaysia (SPNM), Hubungan Etnik (HE), serta Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP). Seterusnya, terdapat beberapa kajian berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran antaranya termasuklah ketika keadaan norma baharu apabila berlaku pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Mohd Sohaimi & lain-lain 2021b). Sementara, kajian oleh Saifulazry & lain-lain (2021) memfokuskan kepada rekayasa dakwah KBAT dalam kalangan mahasiswa menerusi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Sungguhpun begitu, terdapat keperluan kajian yang dilihat dari sudut yang berbeza, yakni menyentuh pembangunan kurikulum dan penjelasan konsep-konsep asas dalam kursus penghayatan etika dan peradaban.

### **Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP)**

Berdasarkan Garis Panduan Mata Pelajaran Umum, kursus PEP dikategorikan dalam U1, yakni penghayatan falsafah, nilai dan sejarah (Garis Panduan Mata Pelajaran Umum (MPU), 2016). Sebagai kursus baharu, maka dari segi kurikulum PEP sedikit sebanyak mempunyai perbezaan dengan kursus yang pernah diperkenalkan sebelum ini, iaitu Hubungan Etnik (Shamsul Amri, 2007 & 2012; Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011; Dayu & lain-lain, 2015). Sinopsis kursus PEP antara lain menyentuh tentang usaha untuk mempersiapkan pelajar bagi menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia. Konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga ke pasca-kolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas, serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik dengan berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara (Sinopsis Kursus – BPA BPA UMS, 2020).

## **Rajah 1:**

### **Topik Penghayatan Etika dan Peradaban**





Dari segi isi kandungan, terdapat sembilan topik dan boleh dibahagikan kepada tiga tema iaitu pertama, pengenalan dan konsep etika dan peradaban, serta PEP dalam konteks peradaban Malaysia dan dunia. Tema kedua, PEP dalam konteks payung anak watan dengan berasaskan perlembagaan Malaysia dan Rukun Negara. Tema ketiga pula, PEP dalam proses pembinaan negara bangsa dengan membincangkan beberapa topik iaitu masyarakat Malaysia, pengukuhan kesepaduan nasional, pengaruh ICT, tanggungjawab sosial, cabaran dan prospek kursus etika dan peradaban (Lihat, Rajah 1).

Pada dasarnya, PEP merentasi disiplin sejarah dan sosiologi, serta sifat multidisiplin diketengahkan dalam kursus tersebut. Skop tema, tempoh masa sehingga kaedah pengajaran dan pembelajarannya juga banyak mengalami perubahan apabila aplikasi ilmu atau ilmu gunaan diketengahkan dalam kursus ini (Mohd Sohaimi & lain-lain, 2021). Malah lebih menarik lagi transformasi kurikulumnya melibatkan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) diakui perlu dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat mendalami lagi kursus ini (Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High-Impact Educational Practices-HIEPs*) dalam Matapelajaran Pengajian Umum, 2019). Persoalannya, bagaimanakah untuk memahami konsep etika dan peradaban agar dapat dihayati dengan sebaiknya oleh pelajar mahupun pensyarah.


### **Konsep Etika dan Peradaban**

Konsep etika dan peradaban memiliki pengertian dan definisi yang mempunyai nilai makna tersendiri sama ada bersifat general (umum) atau spesifik (terperinci). Kedua-dua konsep ini saling bergandingan yang wujud dalam masyarakat Malaysia pada masa kini. Hal ini selari dengan usaha untuk mencapai matlamat yang digariskan oleh Kementerian dalam kategori UL, Mata Pelajaran Umum (MPU), yakni penghayatan falsafah, nilai dan sejarah. (garis panduan Mata Pelajaran Umum (MPU), 2016) konsep ini membina masyarakat dengan memiliki minda kelas pertama yang memiliki tahap keilmuan dan falsafah yang tinggi dengan menguasai pelbagai bidang kepakaran, termasuk sains dan teknologi. Masyarakat dibina atas kebijaksanaan lagi kreatif dalam menyusun serta mencorakkan rakyat dan negara dengan berpaksikan kepada perlembagaan dan rukun negara. Di samping itu, masyarakat dibina atas pemikiran yang sentiasa siap-siaga dalam menghadapi cabaran dan bersikap positif dalam mengharungi kehidupan sama ada di peringkat nasional mahupun internasional. Pada masa sama masyarakat memiliki nilai-nilai insaniah yang baik dan luhur dalam usaha untuk membangunkan negara bangsa yang diidamkan. Inilah natijah utama yang dapat dijelmakan daripada kursus pep tersebut untuk melahirkan warganegara yang berwawasan dan pragmatik.

Dari sudut garis masa, konsep peradaban yang mula terbina sejak zaman pra kolonial di negara ini. Terminologi peradaban atau disebut juga tamadun dapat dirujuk dari sudut bahasa yang mempunyai maksud dan pengertiannya boleh dilihat daripada pelbagai perspektif seperti yang dikemukakan oleh beberapa orang sarjana. Sarjana-sarjana seperti Brandel (1994) Abu Bakar Hamzah (1972) & Gatzle (1984) menjelaskan konsep peradaban itu dari sudut tema pencapaian dalam bidang material dan spiritual. Menurut Syed Naquib al-Attas (1995) pula, peradaban adalah keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai tahap kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya. Farmer (2019) mendefinisikan peradaban adalah entiti atau unit budaya yang terbesar dalam organisasi manusia yang terdiri daripada perkongsian norma-norma sosial, tradisi dan institusi yang berterusan. pendek kata, konsep peradaban itu terangkum di dalamnya tahap pembangunan dan kemajuan yang bersifat fizikal mahupun non fizikal yang dicerminkan dari peringkat individu, keluarga, masyarakat (bangsa) dan negara atau wilayah.

Pada dasarnya, terdapat beberapa ciri yang perlu wujud dalam masyarakat peradaban seperti kerajaan dan pentadbiran yang mapan, agama dan kepercayaan, organisasi sosial, pembedaan, teknologi, pengkhususan dan sistem tulisan. Sebelum pra kolonial, peradaban Melayu adalah antara contoh peradaban yang diiktiraf di dunia, selain peradaban seperti Cina India, Eropah (Barat) dan Islam. Ciri-ciri peradaban tersebut dapat dijelaskan wujud ketika pra kolonial di alam Melayu yang begitu popular dengan istilah kerajaan maritim seperti Srivijaya, Majapahit, Kampar dan Kesultanan Melayu Melaka (Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011). Perkembangan kerajaan maritim tersebut bukan sahaja berkembang berasaskan peradaban kearifan tempatan (*local wisdom*), tetapi diintegrasikan dan diadunkan daripada beberapa peradaban sedunia seperti Cina, India, Islam dan Barat. Dari segi sejarah, masyarakat dan kerajaan maritim tersebut mudah diasimilasi antara warga tamu, khususnya dari China, India, Timur Tengah (Islam) dan Eropah (Barat) dengan warga tempatan, yakni masyarakat di alam Melayu. Berdasarkan peta 1, sejarah membuktikan bahawa habitat bangsa Melayu mempunyai wilayahnya sendiri dengan aktiviti maritim telah melahirkan beberapa kerajaan agung sama ada ketika era Hindu-Buddha mahupun Islam. (Mohd Sohaimi, 2012) itulah yang menjadikan peradaban melayu bersifat unik lagi dinamik yang wujud sehingga kini di negara ini. Justeru, dalam kursus PEP Peradaban Melayu perlu dijadikan teras dalam membincangkan konsep etika dan peradaban. Nilai dan semangat yang terdapat dalam peradaban Melayu itu turut diujarkan dengan perlembagaan persekutuan negara ini seperti raja, Islam, bahasa Melayu, serta status, Melayu dan bumiputera sebagai anak watan. (Report Course Evaluation UW00802).

**Peta 1:**  
**Habitat Bangsa Melayu Dalam Membina Peradaban Di Alam Melayu**




Sumber: Lembaga Peradaban Melayu (<https://www.lembagaperadabanmelayu.org/>)

Selain konsep peradaban, istilah etika juga penting sebagai pengikat kepada kursus PEP. Dalam konteks kursus, konsep etika, etos dan etiket pula masih merujuk kepada konsep yang sama dengan adab, adat resam dan adat istiadat dalam peradaban. Maka, istilah ini datang dan dibawa oleh kolonial yang dilihat mempunyai pengaruh tersendiri sehingga kini. Dengan mengambil kira pengertian dan maksud istilah tersebut boleh dikaitkan dengan kearifan penjajah (*colonial knowledge*). Dari segi sejarah, Malaysia sebagai sebuah negara yang pernah dijajah oleh kuasa Eropah selama lebih empat abad menjadikannya begitu signifikan dipengaruhi oleh peradaban Barat. Dengan kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511, maka bermulanya peradaban Barat menyulami peradaban Melayu. Peninggalan kuasa Portugis, seterusnya Belanda (1641) dan diikuti British (1871) telah mempengaruhi masyarakat tempatan dari segi corak pentadbiran, pemerintahan, budaya, bahasa dan agama. Antara ketiga-tiga kuasa kolonial tersebut didapati British lebih luas pengaruhnya ke atas peradaban Melayu. Kolonial British telah meninggalkan impak besar dalam segala aspek peradaban tempatan sehinggalah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Justeru, bagi tujuan memahami maksud tersebut terdapat keperluan untuk memahaminya dari segi bahasa dan sosiologi tentang konsep etika, etos dan etiket (Majid, 1991). Sungguhpun terdapat perbezaan, tetapi ketiga-tiga istilah ini terdapat perkaitan dan saling hubungan antara satu sama lain dalam konteks etika dan peradaban. Sesungguhnya, keunikan yang berlaku apabila etika, etos dan etiket dikaitkan dengan dinamika integrasi peradaban di Alam Melayu yang melibatkan juga tamadun Cina, India, Islam dan Barat.

Pelantar Anak Watan (PAW) merupakan satu lagi konsep yang boleh dikaitkan dengan kursus PEP, termasuk apabila membincangkan maksud etika dan peradaban. (Lihat, Rajah 2) Pada dasarnya, konsep ini diperkenalkan untuk melihat titik persamaan antara orang Melayu Semenanjung Malaysia dengan bumiputera Sabah dan Sarawak. Hal ini penting dengan matlamat untuk merungkai jurang perbezaan antara mereka sama ada dari segi politik, ekonomi, mahupun sosial. Mereka sebagai anak watan memiliki sejarah peradaban yang sama yang seharusnya menjadi payung kepada pembinaan negara bangsa Malaysia. Usaha ini juga perlu bagi memupuk integrasi, sungguhpun mereka dipisahkan dari segi geo fizikal dan wilayah dengan Laut China Selatan. Elemen konsep Pelantar Anak Watan boleh dilihat dari segi tiga dimensi iaitu Alam Melayu, etika dan peradaban, dan kearifan lokal. Ketiga-tiga elemen ini juga mempunyai kaitan dengan perbincangan sebelum ini tentang konsep etika dan peradaban. (Mohd Sohaimi & lain-lain, 2021).



**Rajah 2: Elemen Pelantar Anak Watan (PAW)**

Sumber: Mohd Sohaimi & lain-lain (2021).

Alam Melayu merupakan salah satu elemen penting dalam PAW. Elemen ini juga penting dalam kursus PEP, termasuklah apabila membincangkan konsep peradaban yang boleh dilihat dari perspektif sejarah. Alam flora dan fauna dengan iklim khatulistiwa telah membina peradaban masyarakat tempatan di Alam Melayu. Malah lebih menarik lagi pengairan yang luas dengan keadaannya bersifat kepulauan, maka dengan mudah terbinanya tamadun awal di rantau ini. Natiujahnya, wujud beberapa kerajaan maritim sejak zaman Hindu-Buddha lagi seperti Kedah Tua, Champa, Srivijaya, Majapahit dan sebagainya. Pembentukan kerajaan maritim terus berkembang ketika kedatangan pengaruh Islam seperti Kesultanan Melayu Melaka, Kesultanan Sulu, Kesultanan Aceh dan seterusnya. Justeru, peradaban di Alam Melayu dibina dan diwarisi oleh anak watan selari dengan konsep PAW tersebut (Asnarulkhadi & Jayum, 1997).

Elemen etika dan peradaban merupakan asas penting dalam konsep PAW. Dalam kursus PEP, etika dan peradaban perlu dilihat dari dua sudut iaitu peradaban anak watan dan peradaban dari luar (asing). Peradaban anak watan merujuk kepada tamadun yang tersedia dibina di Alam Melayu oleh bangsa atau habitat Melayu itu sendiri. Dari sudut sejarah, peradaban Melayu dipengaruhi oleh unsur kepercayaan dan agama. Unsur kepercayaan ini dapat dikaitkan dengan elemen kepercayaan animisme, pantang larang, adat resam dan adat istiadat yang merentasi kepelbagaian sub etnik keturunan bangsa Melayu. Malahan bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca* yang digunakan secara meluas dalam segala aktiviti di rantau ini. Sementara itu, pengaruh agama boleh dilihat semasa zaman Hindu-Buddha dan kemudiannya pengaruh Islam di rantau ini. Pada dasarnya, pengaruh Islam lebih kuat berbanding dengan Hindu-Buddha kerana banyak meninggalkan kesan peradaban seperti pemerintahan dan pentadbiran, bahasa dan kesusasteraan, pembinaan dan kesenian. Dalam konteks kursus PEP, pembinaan peradaban di Alam Melayu itu distrukturkan perbincangan kepada adab, adat resam dan adat istiadat. (Mohd Sohaimi & lain-lain, 2021)

Peradaban dari luar atau asing pula boleh dibahagikan kepada dua iaitu pelantar Asia dan Barat (Eropah). Pelantar Asia adalah dari peradaban Cina dan India yang mempengaruhi tamadun Melayu akibat aktiviti maritim, khususnya melalui perdagangan dan perkembangan agama.

Aktiviti ini berlaku secara semulajadi dan tanpa paksaan yang berlaku ketika era pra kolonial. Mereka mudah berasimilasi dengan orang Melayu sehingga wujud masyarakat peranakan seperti Baba Nyonya dan Mamak. Pengaruh Cina dan India juga boleh dilihat dari segi hubungan diplomatik, bahasa, kesenian dan kebudayaan.

Kedua, pengaruh peradaban Barat apabila kedatangan kuasa Eropah iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris di Alam Melayu. Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 telah memberi impak yang besar apabila terbahagi kepada dua geo fizikal Alam Melayu, iaitu Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak di bawah pengaruh British, serta Indonesia di bawah naungan kuasa Belanda. Begitu juga, implikasi penjajahan antara lain kedatangan beramai-ramai imigran Cina dan India yang membentuk populasi penduduk yang berbeza dengan pra kolonial. Mereka tidak berasimilasi dengan anak watan dan mengekalkan identiti masing-masing, serta terbinanya segregasi antara kaum akibat dasar pecah perintah British. Walau bagaimanapun, pengaruh tamadun Barat menjadi sebahagian daripada elemen yang terdapat dalam konsep PAW apabila berlakunya pertembungan antara peradaban dan budaya dengan anak watan. Sebagai contoh, terdapatnya pengaruh istilah bahasa Portugis dalam bahasa Melayu seperti almari (armario), baldi (balde), bangku (banco) dan bendera (bandeira). Pengaruh peradaban Barat lebih ketara lagi ketika era penjajahan British yang meliputi pemerintahan, pentadbiran, pembangunan, pendidikan, budaya dan bahasa. Dalam konteks kursus PEP, pengaruh peradaban Barat ini dirangkumkan kepada konsep etika, etos dan etiket (Mohd. Sohaimi, 2012).


Sebagaimana yang telah dijelaskan, konsep peradaban dalam PEP termasuklah adab, adat resam dan adat istiadat. Etika pula merujuk kepada konsep etika, etos dan etiket. Gabungan kedua-dua konsep tersebut telah menjadikan peradaban Alam Melayu begitu unit yang kemudiannya diwarisi sehingga selepas kemerdekaan. Sebagai contoh, perlembagaan persekutuan perlu difahami dan dihayati dari sudut sejarah dan anak watan. Unsur tradisi dalam perlembagaan itu mengandungi elemen warisan peradaban seperti raja berpelembagaan, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Islam sebagai agama Persekutuan dan kedudukan hak istimewa orang Melayu/bumiputera. Semua elemen warisan anak watan ini menjadi identiti negara bangsa Malaysia yang perlu dihayati sebagai tiang seri perlembagaan. (Mohd Sohaimi, 2020; Ongkili, 1985) Tiang seri ini perlu dihormati kerana menjadi penentu kepada kesejahteraan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya (Mohd Sohaimi & lain-lain, 2021; Muslim, 2015; Hashim, 1994).

Sementara elemen kearifan lokal dalam PAW pula lebih bersifat tersurat dan tersirat dalam kurikulum kursus PEP. Kearifan tempatan adalah satu bentuk pemikiran yang tinggi lagi mendalam dan kreatif terhadap sesuatu amalan dan praktikal yang berlaku dalam masyarakat. Nilai-nilai yang tersurat dapat difahami dengan melihat kepada amalan tersebut, namun nilai tersirat perlukan pengamatan yang mendalam bagi menghayati falsafah yang terkandung disebalik perlakuan tersebut. Elemen kearifan lokal antara lain menjadi sebahagian daripada identiti negara bangsa Malaysia yang dapat diterjemahkan dalam bentuk simbol, nilai dan jatidiri (Muhammad Yusri & Mohd Anuar, 2020). Dalam konteks kurikulum PEP, “Etika dan peradaban dalam konteks masyarakat kepelbagaian,” serta “Etika dan peradaban sebagai wahana tanggungjawab sosial” antara topik yang boleh diketengahkan sebagai usaha untuk menjelaskan identiti bangsa Malaysia berasaskan kearifan lokal (Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, 2019; Dayu, Mohd Sohaimi, Yusten & Budi, 2015; Mohd Sohaimi & lain-lain, 2021). Aktiviti pengkayaan boleh diterjemahkan untuk menghayati kearifan lokal dalam pembelajaran seperti pesta pantun, permainan tradisi dan makanan tradisional sama ada Melayu Semenanjung

mahupun bumiputera Sabah dan Sarawak. Elemen kearifan lokal ini juga dapat dilihat dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Jelaslah, ia berkait rapat dengan nilai yang tersurat dan tersirat untuk adab, adat resam dan adat istiadat dalam peradaban anak watan. Sesungguhnya, kursus PEP, memberikan penjelasan bagaimana untuk memahami dan menyelami masyarakat Malaysia, khususnya anak watan dalam konteks hubungan etnik demi keamanan dan kesejahteraan negara (Dokumen MQA, 2017). Justeru, apabila membincangkan konsep peradaban, ia tidak dapat dipisahkan dengan beberapa istilah lain seperti adab, adat resam dan adat istiadat yang sifatnya saling berkait dan berhubung antara satu sama lain. (Lihat, Rajah 1)

### Adab

Menurut Kamus Dewan, edisi keempat, (2010), adab merujuk kepada budi pekerti yang halus, tingkah laku yang baik dan budi bahasa yang luhur. namun tafsiran skop dan perincian adab didapati terdapat persamaan dan perbezaan mengikut budaya yang berlainan. Persamaan yang terdapat dalam tafsiran ini ialah penilaian keperibadian seseorang melalui kepatuhannya terhadap kod kelakuan (Firmage, Weiss & Welch, 1990). Istilah adab itu sendiri datang dari bahasa Arab yang dapat dikaitkan dengan pengaruh Islam dalam peradaban Melayu. Adab dalam Islam mengandungi segala aturan dan syariat yang melibatkan segala aspek kehidupan. Sebagai contoh perilaku atau perbuatan seperti adab sopan, adab berpakaian, adab dalam keluarga dan adab ketika upacara pengebumian. Adab itu dapat dilihat pada diri individu yang boleh dikenali sama ada beradab atau sebaliknya, yakni kurang adab. Setiap daripada individu itu perlu mengetahui dan mengamalkan adab pada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan pemerintah. Adab boleh mengangkat sesuatu bangsa untuk berkembang maju dan dihormati oleh bangsa lain.



**Rajah 3: Konsep Peradaban**

### *Adat Resam*

Adat resam pula merupakan suatu istilah yang dapat dikaitkan dengan elemen penting dalam peradaban. Dari segi istilah, Kamus Dewan, edisi keempat, (2014) adat resam adalah adat (aturan yang biasa). Adat resam didefinisikan sebagai suatu aturan dan cara hidup yang merangkumi segala tingkah laku dan kepercayaan. Ia menjadi peraturan yang diamalkan secara turun temurun dalam masyarakat sehingga menjadi suatu hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Amalan ini harus diikuti dari satu generasi ke generasi yang lain bagi mengekalkan tradisi sehingga menjadi sebat sebagai identiti sesuatu kaum (Abdullah Siddik, 1975). Dalam erti kata lain, ia merupakan inti atau nukleus dari peradaban yang melibatkan interaksi antara manusia dengan alam sekeliling. Adat resam boleh menjelaskan bagaimana budaya yang diamalkan dalam urusan seharian dalam komuniti tertentu. Selain itu, ia juga menghuraikan

bagaimana sesuatu kaum berinteraksi dengan masyarakat di sekelilingnya (Muhammad Takari, 2015). Antara contoh adat resam seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian. Istilah adat juga banyak makna dalam masyarakat Melayu (Haron Daud, 2009). Di Malaysia, adat resam dapat dilihat dalam kehidupan bagi setiap kaum seperti masyarakat Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, Cina, India dan Siam. Justeru, adat itu bersifat dinamik dan boleh berubah mengikut keperluan semasa mengikut acuan masyarakat tersebut. Hal ini yang dapat dilihat dalam masyarakat yang menuntut antara satu sama lain saling memahami, mengenali dan menghayati akan perbezaan yang wujud agar keharmonian dapat terus dipelihara demi negara.

### ***Adat Istiadat***

Adat istiadat adalah bentuk peraturan yang perlu diikuti secara tertib, betul dan cermat. Ia pula boleh dilihat hasil peraturan yang sejak turun temurun. (Kamus Dewan, edisi keempat, 2010) Pada ghalibnya, adat istiadat memiliki elemen susun atur protokol yang tinggi. (Haron Daud, 1989) Di Malaysia, adat istiadat sering dikaitkan dengan upacara atau majlis rasmi diraja. Justeru, rakyat tanpa mengira kaum perlu menghormati adat istiadat ini kerana menjadi simbol negara agar tidak ditelan zaman dan kekal diwarisi zaman berzaman. Antara contoh adat istiadat diraja termasuklah majlis pertabalan, perkahwinan, jamuan dan kematian. Adat istiadat ini mencerminkan nilai peradaban yang tinggi telah terbina sejak sekian lama yang menjadi tunjang kepada kearifan tempatan (*local wisdom*). Hal inilah juga keunikan melambangkan identiti negara, seperti Malaysia yang meraikan institusi raja dengan perlantikan Yang Dipertuan Agong. Simboliknya, Yang Dipertuan Agong menjadi pelindung kepada rakyat tanpa mengira kaum, agama dan budaya demi perpaduan dan keamanan negara.

### **Kesimpulan**

PEP merupakan kursus teras universiti yang mengaplikasikan kemahiran insaniah dengan domain afektif. Efektif ini melibatkan jiwa, perasaan dan semangat yang dibina secara halus agar pelajar menjadi warganegara yang baik lagi bertanggungjawab kepada nusa bangsa. Secara tidak langsung dapat menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme yang menjadi objektif utama daripada kursus ini. Selari dengan nama kursus, penghayatan membawa pengertian yang amat mendalam kerana kursus ini ‘hidup dan bernyawa’ dalam membincangkan ikatan konsep etika dan peradaban. Pendek kata, etika dan peradaban perlu dilihat berasaskan tiga elemen yang penting iaitu Alam Melayu, etika dan peradaban, serta kearifan lokal sebagaimana yang diketengahkan dalam konsep PAW. Elemen yang terdapat dalam anak watan, serta diterjemahkan dalam perlembagaan hendaklah dijadikan sandaran sebagai identiti negara mahupun bangsa Malaysia. Identiti dan nilai yang ada pada anak watan tersebut menjadikan Malaysia memiliki keunikan tersendiri sungguhpun hidup dalam masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya. Natiujahnya, rakyat saling hidup dalam keadaan aman damai sejahtera apabila masing-masing menghormati antara satu sama lain. Roh inilah yang mendasari dalam jiwa rakyat Malaysia dengan berpaksikan kepada perlembagaan dan Rukun Negara. Dengan penjelasan ini, diharapkan pelajar mahupun pensyarah dapat memahami dan menghayati dengan lebih baik akan pengertian dan maksud etika dan peradaban tersebut. Di samping itu, mereka juga perlu memiliki pengetahuan dan pemahaman yang baik dalam bidang sains sosial, khususnya ilmu sejarah dan sosiologi.

### **Penghargaan**

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111 dan TLS2109) dan Erudites Knowledge Unlimited (EKU) (Kod Geran: TLS2010).

## Rujukan

- Abdullah Sidik. (1975). Pengantar undang-undang adat di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Bakar Hamzah. (1972). Sejarah kebudayaan umat Islam. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ahmad Zamil Abd. Khalid, Muhamad Amar Mahmad, Khairiah Mohd Yassin, Azman Md Zain, Solahudin Abd Hamid, Mohd. Nizho Abd Rahman, Ismail Ishak, Iskandar Adon, Muhammad Ahmad & Zahari Mohamed. (2021). Penghayatan Etika dan Peradaban. Sintok: UUM Press.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan eds. (1997). Kenegaraan Malaysia. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020). Menyingkap polemik peralihan kuasa secara luar biasa mengikut perspektif demokrasi berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.
- Ateerah Abdul Razak, Nur Azuki Yusoff & Zaleha Embong. (2021). Penghayatan etika dan peradaban. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Berita Harian. 25 September 2019.
- Brandel, F. (1994). A History of civilizations. Richard Mayne (Trans.) New York: The Penguin Press.
- Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices-HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum. (2019). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Carr, E.H. (1962). What is History? New York: Alfred A. Knopf.
- Collingwood, R.G. (1993). The Idea of History. Oxford University Press.
- Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Yusten Karulus & Budi Anto Mohd Tamring. (2015). Eksplorasi Hubungan Etnik. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.
- Dokumen MQA. (2017). Kursus Hubungan Etnik, Sesi 2017-2018.
- Farmer, E.L. (2019). Comparative history of civilizations in Asia. New York: Routledge.
- Firmage, Weiss & Welch. (1990). Religion and law: Biblical-Judaic and Islamic perspectives. Eisenbrauns: Winona Lake.
- Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua. (2016). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Gatzke, H.W. (1984). The mainstream of civilization to 1715. Harcourt: Harcourt College Publishers.
- Haron Daud. (1989). Sejarah Melayu: Satu kajian daripada aspek pensejarahan budaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. (2009). Mantera dan Unsur Luar Biasa Dalam Masyarakat Melayu. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hashim, M.S. (1994). *Mengenal Perlembagaan Malaysia. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan, edisi keempat. (2010). <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). Pelan Pembangunan Pelajaran 2000-2010. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. (2019). Pelaksanaan Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi. 15 Ogos. Surat JPT (BKA)1000/011/04 (9).
- Krathwohl, D.R. (2002) A revision of Bloom's Taxonomy: A overview. Massachusetts: EBSCO Publishing.



- Kreiger, L. (1977). *Ranke: The Meaning of History*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lembaga Peradaban Melayu. <https://www.lembagaperadabanmelayu.org/>
- Modul Digital Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. <https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/ipt/ipt-awam/modul-digital-kursus-penghayatan-etika-dan-peradaban>.
- Majid Fakhry (1991). *Ethical Theories in Islam*. Leiden: J.J. Brill.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Mohd Sohaimi Esa. (2012). *Malaysia dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon.
- Mohd Sohaimi Esa. (2020). *Biografi Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Siti Aidah Lukin@Lokin, Saifulazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2021a). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian Kes di Kalangan Pelajar Prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah*. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6, Issue 23, April.
- Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Saifulazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2022). *Buku Aktiviti: Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP)*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Mohd Sohaimi Esa, Irma Wani Othman, Romzi Ationg, Mohd Kamal Mohd Shah, Mohd Sofian Yusoff, Habibah Artini Ramlie & Abang Mohd Razif Abang Muis. (2021b). *Evolusi Kursus Teras Universiti: Dari Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia ke Penghayatan Etika dan Peradaban*. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Vol. 6 Issue 39. May.
- Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman & Halina Jupiter (2021). *Isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di ambang kemerdekaan Tanah Melayu*. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 111-125.
- Mohd Sohaimi Esa, Irma Wani Othman, Anna Lynn Abu Bakar, Saifulazry Mokhtar. (2021). *Penawaran Kursus Kenegaraan Malaysia dari Perspektif Pelantar Anak Watan: Kesedaran Kolektif dalam Pembangunan Kurikulum*. *Journal of Information System and Technology Management*. 6 (23).
- Mohd. Zahedi Daud. (2005). *Pelan Integriti Nasional: Strategi Pelaksanaan Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Muhamad Rahimi Osman. (2010). *Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM*. *Malim SEA Journal of General Studies* 11.
- Muhammad Takari. (2014). *Adat in Melayu Civilization*. Medan: Fakultas Ilmu Budaya.
- Muhammad Yusri Yusof@Salleh & Mohd Anuar Ramli. (2020). *Pentakrifan kearifan tempatan: Suatu Sorotan*. *Jurnal Melayu*. Bil. 19 (2).
- Muslim. N. (2015). *Islam dan Melayu: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Ng Ming Yip & Iswandi Harahap Burhanuddin. (2017). *Mata Pelajaran Umum (MPU) Peneraju Transformasi Pendidikan Holistik*. National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017). RHR Hotel, 23 Ogos.

- Ongkili, J. P.(1985). Nation-building in Malaysia, 1946-1974. Singapore: Oxford University Press.
- Report Course Evaluation UW00802. <https://smp.ums.edu.my/Home.aspx#penilaiankursus> diakses pada 5 Ogos 2021.
- Rosmah Derak, Andreas Totu, Jualang Azlan Gansau, Mohd Sohaimi Esa dan Siti Aida Lukin@Lokin. (2019). 25 Tahun PPIB: Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2020). Kefahaman Nilai Etika dan Moral Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara. 21.
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Journal of Human Capital Development. Vol. 8, No.2. July-December.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed). (2007). Modul Hubungan Etnik. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed). (2012). Modul Hubungan Etnik (2nd ed.) Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Sinopsis Kursus – BPA BPA UMS. (2020/). [http://bpa.ums.edu.my/images/dokumen/Prospektus/2020/PPIB/SINOPSIS\\_KURSUS\\_PPIB.pdf](http://bpa.ums.edu.my/images/dokumen/Prospektus/2020/PPIB/SINOPSIS_KURSUS_PPIB.pdf) . (diakses pada 15 Disember 2020).
- Siti Aidah Lukin@Lokin, Budi Anto Mohd Tamring & Mohd Sohaimi Esa. (2019). Dari Kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia ke Kursus Hubungan Etnik: Suatu Pengalaman. Dalam Rosmah Derak, Andreas Totu, Jualang Azlan Gansau, Mohd Sohaimi Esa dan Siti Aidah Lukin@Lokin. 25 Tahun PPIB: Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Sugiyono. (2009). Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D. Bandung: Alfabeta Arikunto.
- Syed Muhammad Naquib al Attas. (1995). Prolegomena to the Metaphysic of Islam, Kuala Lumpur: ISTAC.